

# WAKAF VAGANZA

by waqaf FELDA  
Edisi Ramadan

**WAKAF DAN MENANG!**  
Bermula RM200, anda berpeluang memenangi



## Cabutan Utama

MODENAS  
KRIS 110 (MR3)

### Cabutan Tambahan



**GOLD BAR**  
5 GRAM 999



**MOUNTAIN  
BIKE**

**SEGWAY**  
NINEBOT C2 Pro



**SAMSUNG**  
SMARTPHONE



## Untuk sertai, jom imbas



Kempen bermula 12 MAC 2024 SEHINGGA 3 APRIL 2024.

**GANDAKAN PELUANG ANDA DENGAN LEBIH BANYAK BERWAKAF:**

- RM 200 (1 Penyertaan).
- RM 400 (2 Penyertaan), dan seterusnya.

Hadiah dan operasi kempen ini tidak menggunakan dana wakaf. Kempen ini adalah berpanduan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah Bil. 5 (2013) terbitan JAKIM dan diperakui oleh Sekretariat Syariah WAQAF FELDA.

Warna dan spesifikasi hadiah mungkin berbeza dengan yang sebenar.

\*Tertakluk terma dan syarat.

Maklumat lanjut, sila ikuti kami di:



[www.waqafelda.com.my](http://www.waqafelda.com.my)



[waqafelda](#)



[Waqaf Felda Official](#)



[waqaf\\_felda](#)



[waqafelda](#)



## TERMA DAN SYARAT CABUTAN BERTUAH KEMPEN “WAKAF VAGANZA”

**TEMPOH KEMPEN: 12 MAC 2024 SEHINGGA 3 APRIL 2024**

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai bagi kempen “Wakaf Vaganza” anjuran WAQAF FELDA (1411511-T)

### **1.0 Syarat Kelayakan**

- 1.1 Terbuka kepada **individu Warganegara Malaysia sahaja**.
- 1.2 Berumur **18 Tahun dan ke atas**.
- 1.3 Kakitangan pihak Penganjur termasuk ahli keluarga mereka yang terdekat [ibu bapa, adik-beradik, anak-anak, suami/isteri] **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Cabutan Bertuah Kempen “Wakaf Vaganza”.
- 1.4 Peserta perlu berwakaf **minimum RM 200.00** (terkumpul) untuk mendapatkan satu (1) kelayakan penyertaan cabutan bertuah.
- 1.5 Bilangan kelayakan penyertaan cabutan:
  - i. RM 200.00 (1 Penyertaan),
  - ii. RM 400.00 (2 Penyertaan),
  - iii. RM 600.00 (3 Penyertaan), dan seterusnya.
- 1.6 Penyertaan boleh dilakukan secara:
  - i. **Tunai** (Pejabat Waqaf Felda, Pejabat Wilayah dan Pejabat Rancangan),
  - ii. **Serahan cek** mestilah sampai ke pejabat Waqaf Felda selewat-lewatnya sebelum/pada 3 April 2024,
  - iii. **Atas Talian** <https://waqaffelda.waqaf.com.my/order/form/9>
- 1.7 Untuk wakaf menerusi tunai dan serahan cek, pewakaf perlulah melengkapkan maklumat seperti berikut:
  - i. Nama;
  - ii. No. Kad Pengenalan;
  - iii. No. Telefon;
  - iv. Alamat;
  - v. Bukti pembayaran.
- 1.8 Hanya wakaf menerusi 1.6 sahaja yang diiktiraf untuk mendapat penyertaan bagi cabutan bertuah.

## **2.0 Cabutan dan Hadiah**

- 2.1 Sila pastikan segala maklumat yang didaftarkan adalah tepat dan benar.
- 2.2 Setiap pemenang hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja pada sesi cabutan.
- 2.3 Pemenang akan dihubungi berdasarkan nombor telefon yang didaftarkan.
- 2.4 Cabutan akan dibuat seperti ketetapan berikut:
  - i. **Tarikh:** 5 April 2024,
  - ii. **Masa:** 9.00 pagi sehingga 12.01 tengah hari,
  - iii. **Tempat:** Aras Ruang Legar Menara FELDA,
  - iv. **Dalam Talian:** Live melalui Facebook Waqaf Felda Official.
- 2.5 Pihak Penganjur akan menghubungi pemenang cabutan sebanyak tiga (3) kali sahaja.
- 2.6 Sekiranya tiga (3) panggilan tidak dijawab oleh pemenang, cabutan tersebut akan dibatalkan dan cabutan semula akan dilakukan.
- 2.7 Pemenang bersetuju dengan rakaman panggilan telefon oleh Pihak Penganjur dan bersetuju bahawa rakaman ini boleh digunakan dalam sebarang prosiding atau tribunal.
- 2.8 Pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk menyiarkan rakaman/gambar dalam mana-mana saluran media sosial pihak Penganjur.
- 2.9 Hadiah-hadiah yang disediakan dan dinyatakan adalah tidak boleh ditukar hak milik, atau ditukar kepada bentuk wang tunai semasa/sebelum penyerahan hadiah cabutan kepada pemenang. Namun demikian, ia boleh ditukar hak milik atau ditukar kepada bentuk wang tunai selepas pemenang cabutan bertuah menerima hadiah tersebut.
- 2.10 Pihak Penganjur berhak menukar model atau versi hadiah-hadiah yang dinyatakan dalam kempen dengan jaminan harga yang sama jika terdapat sebarang kekangan.

## **3.0 Tuntutan Hadiah**

- 3.1 Pemenang dikehendaki untuk menuntut hadiah dalam tempoh 30 hari selepas pengumuman pemenang dibuat. Penyerahan hadiah akan terbatal sekiranya pemenang gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 3.2 Pemenang diminta untuk mengemukakan kad pengenalan semasa tuntutan hadiah dibuat.
- 3.3 Sekiranya berlaku kes kematian pemenang, waris dibenarkan untuk menuntut hadiah dalam tempoh 30 hari selepas pengumuman pemenang dibuat. Waris dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan semasa menuntut hadiah. Pihak penganjur akan membatalkan cabutan tersebut sekiranya waris gagal berbuat demikian.

## **4.0 Tanggungan**

- 4.1 Bayaran cukai jalan (roadtax) dan insuran akan ditanggung oleh pihak Penganjur selama satu (1) tahun bermula tarikh pemenang diumumkan.
- 4.2 Pihak Penganjur tidak akan menguruskan sebarang proses penghantaran hadiah.
- 4.3 Sebarang kerosakan pada hadiah tidak akan ditanggung oleh pihak Penganjur setelah serahan hadiah dimiliki oleh pemenang.

- 4.4 Sebarang kos penambahbaikan, servis dan waranti keatas hadiah cabutan tidak akan ditanggung oleh pihak Penganjur tetapi ditanggung oleh Syarikat yang mengeluarkan produk tersebut bergantung pada tempoh waranti yang diberikan.

## **5.0 Pembatalan Penyertaan**

- 5.1 Peserta tersebut tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan.
- 5.2 Penyertaan akan terbatal sekiranya peserta di dapati melanggar syarat-syarat yang dikemukakan pada perenggan 1.0 diatas.
- 5.3 Pihak Penganjur berhak menarik balik hadiah cabutan bertuah sekiranya peserta didapati melanggar mana-mana syarat yang telah dikemukakan di atas.

## **6.0 Terma-terma Am**

- 6.1 Peserta yang ingin menyertai kempen ini dinasihat untuk membaca terma dan syarat ini sebelum menyertai kempen ini.
- 6.2 Dengan menyertai kempen ini, peserta dianggap memahami semua terma dan syarat kempen serta bersetuju untuk membenarkan data maklumat peribadi pelanggan diproses dan digunakan bagi tujuan kempen ini.
- 6.3 Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan kos atau bayaran yang dituntut ke atas hadiah-hadiah yang diberikan.
- 6.4 Penetapan lokasi penyerahan hadiah adalah tertakluk kepada pihak Penganjur sahaja.
- 6.5 Sekiranya pihak Penganjur bersetuju untuk penyerahan dilakukan melalui proses penghantaran, semua kos dan risiko akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
- 6.6 Sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur adalah muktamad. Justeru tiada sebarang penerangan atau alasan diperlukan berkaitan perkara ini.
- 6.7 Pihak Penganjur berhak untuk mengubah terma dan syarat-syarat di atas tanpa sebarang notis.
- 6.8 Kempen ini adalah berpandukan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah Bil. 5 (2013) terbitan JAKIM dan diperakui oleh Sekretariat Syariah Waqaf Felda.

## **FAQ: WAQAF VAGANZA**

### **1. APAKAH KEMPEN WAKAF VAGANZA?**

Wakaf Vaganza adalah kempen baharu WAQAF FELDA untuk menggalakkan orang ramai berwakaf di bulan Ramadan. Justeru, WAQAF FELDA menawarkan hadiah yang menarik kepada pewakaf yang telah berwakaf RM200 ke atas.

### **2. ADAKAH HADIAH YANG DITAWARKAN DIPEROLEH DARIPADA DANA WAKAF?**

Hadiah dan segala operasi sempena kempen Wakaf Vaganza tidak bersumber daripada dana wakaf. Sumber hadiah dan operasi adalah daripada peruntukkan khusus yang berasingan daripada dana wakaf.

### **3. APAKAH KEMPEN INI MEMATUHI SYARIAH?**

Segala operasi kempen ini mengikuti Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah Bil 5 (2013) terbitan JAKIM. Malah, Sektretariat Syariah WAQAF FELDA sentiasa menyelia dan memantau operasi kempen ini agar kepatuhan syariah sentiasa dipatuhi.

### **4. SIAPAKAH YANG BOLEH MENYERTAI KEMPEN INI?**

Sesiapa sahaja yang berwakaf RM200 ke atas layak untuk 1 penyertaan cabutan Wakaf Vaganza. Jika anda berwakaf RM400, maka anda layak mendapat 2 penyertaan cabutan. Semakin banyak anda berwakaf, semakin tinggi peluang anda.

### **5. SAYA MEMPUNYAI AKAUN WAQAF FELDA, TETAPI TIDAK DAPAT LOG MASUK KERANA TIADA PASSWORD. APAKAH TINDAKAN SAYA?**

Anda boleh cuba reset password dan sistem Waqafer akan menghantar emel password default ke emel anda. Sila layari: <https://www.sistemwakafelda.org/waqafer.asp> untuk mengubah password anda. Sekiranya anda tidak menerima sebarang emel, sila masukkan password : felda\*\*\*\* (\*\*\*\* ialah 4 nombor KP belakang anda). Sekiranya tidak berjaya juga, sila hubungi kami di talian 03 2191 2352 (tertakluk kepada waktu bekerja).

### **6. BILAKAH SAYA BOLEH MENYERTAI KEMPEN INI?**

Anda boleh menyertai kempen Wakaf Vaganza Edisi Ramadan 2024 ini bermula 12 Mac 2024 sehingga 3 April 2024.

### **7. BAGAIMANAKAH WAQAF FELDA MENGUMUMKAN PEMENANG CABUTAN?**

Cabutan hadiah akan dilakukan secara fizikal pada 5 April 2024, bertempat di Ruang Legar Menara FELDA bermula jam 9.00 pagi. Bagi yang tidak dapat menghadiri majlis berkenaan, WAQAF FELDA menyediakan tayangan secara langsung di page FB rasmi WAQAF FELDA (Waqaf Felda Official). Klik pautan berikut untuk ke laman rasmi FB kami: PAGE Waqaf Felda Official

### **8. ADAKAH SAYA PERLU MENDAFTARKAN NOMBOR TELEFON?**

Ya. Anda perlu mendaftarkan nombor telefon yang boleh dihubungi untuk menyertai kempen ini kerana pada majlis cabutan (5 April 2024) kelak, kami akan menghubungi nombor telefon pemenang secara langsung. Mengikut terma dan syarat, sekiranya panggilan kami tidak dijawab sebanyak tiga (3) kali, cabutan tersebut akan dibatalkan dan cabutan semula akan dilakukan. Sila rujuk terma dan syarat penyertaan.

### **9. ADAKAH DENGAN MENYERTAI WAKAF VAGANZA INI, SAYA BOLEH MENDAPAT POTONGAN CUKAI?**

Ya. Anda layak untuk memperolehi manfaat potongan cukai tertakluk kepada Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1976. Sila muat turun penyata wakaf anda di portal Waqafer. Layari: <https://www.sistemwakafelda.org/waqafer.asp>